

Jenis Akhbar : *Harian Metro*
Tarikh : *27/08/2024*
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 23*
Tajuk : *ANGKASA, Aseanaca Perkasa Ekonomi Muslim*

Harian Metro | Selasa 27.08.2024

 @hmetromy  **HarianMetro**  @hmetromy  www.hmetro.com.my **23**

Angkasa **bisnes**

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyambut baik kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa sebagai sebahagian daripada usaha mempromosi dan memperkasakan nilai koperasi, selain meningkatkan taraf sosioekonomi anggota.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, kerjasama Angkasa dan Persatuan Akademik Asean Indonesia (Aseanaca) bakal memperkasakan sosioekonomi umat Islam serantau.

Katanya, kerjasama itu tidak semestinya berfokus

Angkasa, Aseanaca perkasa ekonomi Muslim

kepada gerakan koperasi semata-mata, tetapi juga membabitkan penyertaan institusi dan syarikat swasta.

“Kerjasama Angkasa dan Aseanaca mampu memberi nilai tambah khususnya daripada segi perkongsian ilmu dan kepakaran Aseanaca dalam pembiayaan islamik.

“Manakala, Angkasa pula menerusi produk dan aktiviti koperasi termasuk memperkenalkan model Koperasi Sekolah dan Koperasi Kariah Masjid serta



ABDUL Fattah (tengah) bersama delegasi Aseanaca sempena Program Lawatan Delegasi Aseanaca di Ibu Pejabat Angkasa, Kelana Jaya, baru-baru ini.

amalan tadbir urus koperasi.

“Permintaan global dalam sektor pembiayaan is-

lamik dan produk halal semakin meningkat dan ini

peluang terbaik untuk dimanfaatkan bagi memperkasakan sosioekonomi rakyat khususnya yang beragama Islam,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata demikian ketika Program Lawatan Delegasi Aseanaca di Ibu Pejabat Angkasa di Kelana Jaya, dekat sini, baru-baru ini.

Seramai 40 delegasi Aseanaca daripada tujuh universiti seluruh Indonesia mengunjungi Angkasa sebagai sebahagian daripada siri lawatan kajian mereka merangkumi aspek pendidikan, koperasi serta pembiayaan islamik.